



**BANTUAN** dan kemudahan disediakan kepada penggiat sektor pertanian cukup banyak. Terpulang kepada individu itu sama ada mahu merebut peluang disediakan atau tidak.

Ikuti kejayaan dua sahabat yang mengusahakan tanaman cendawan menerusi Skim Usahawan Komersial Siswazah (SUTKS) anjuran Agrobank dan menerima khidmat nasihat Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta peserta AZAM Tani projek tangkapan laut yang berjaya hasil bantuan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Oleh **Norainon Othman**  
norainon@mediaprima.com.my  
**Kuala Pilah**

**D**i bawah Skim Usahawan Komersial Siswazah (SUTKS), dua sahabat mengikuti kursus projek penanaman cendawan selama tiga bulan. Selepas tamat kursus, mereka sepakat memanfaatkan ilmu dipelajari dengan membuka bangsal cendawan.

Roslina Rais, 38, dan rakan kongsi, Nurhaida Sahara Abdul Malek, 31, memulakan projek tanaman cendawan dengan modal berbayar RM250,000 di Kampung Ibol, Tanjung Iboh, di sini, pada 2006.

Roslina, lulusan Ijazah Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia



*ROSLINA menunjukkan cendawan keluaran syarikatnya.*

# Tauke cendawan

## ■ Bermula kosong kini miliki empat bangsal selepas sertai SUTKS

(UPM), manakala Nurhaida, graduan jurusan Matematik Industri Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menubuhkan Arra Mushroom pada Mei 2006.

Mereka bermula dengan satu bangsal menampung 3,000 polibeg cendawan untuk melihat potensi tanaman itu. Apabila mendapati pasaran bagi cendawan menggalakkan, dua sahabat itu mendirikan pula bangsal memproses serta menambah empat lagi

bangsal cendawan.

Satu lagi bangsal cendawan didirikan bagi menguruskan projek tanaman cendawan di bawah Projek E-Kasih.

"Ketika mula mengusahakan projek tanaman cendawan, kami bermula dengan kosong dan perlu banyak belajar. Apabila timbul masalah, kami mendapatkan khidmat nasihat daripada pengusaha cendawan lain," kata Roslina.

Menurutnya, ketika ingin

membuka projek berkenaan, lima rakan kongsi termasuk dirinya dan Nurhaida mengeluarkan modal RM50,000 seorang.

Dia dan Nurhaida, masing-masing memohon pinjaman sebanyak RM50,000 dari Agrobank untuk tujuan itu dan di peringkat awal berdepan masalah melunaskan pinjaman disebabkan masih 'bertatih'.

Roslina kemudian membuat penjadualan semula

pembayaran dan sudah menyelesaikan pinjaman.

Dibantu enam pekerja, Arra Mushroom mengeluarkan 120,000 polibeg cendawan yang diproses sendiri selain memiliki makmal menghasilkan benih cendawan di Seremban.

Daripada proses eraman benih cendawan hingga memungut hasil mengambil masa dua bulan setengah. Dalam tempoh empat bulan, sebanyak lapan kali

tuaian dilakukan. Purata tuaian cendawan Arra Mushroom ialah 80 kilogram sehari.

"Menariknya, kita boleh kawal berapa banyak pengeluaran yang dimahukan. Untuk mendapatkan hasil yang tinggi dan memuaskan, persekitaran projek penanaman cendawan perlu dijaga rapi bagi mengurangkan risiko," katanya.

**ESOK: Pemborong keropak lekor**